AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

(Act 313)

**No. 1645.**

ENAKMEN (PEMAKAIAN) AKTA PERHUTANAN NEGARA 1985

NATIONAL FORESTRY ACT (ADOPTION) ENACTMENT 1985

PENGELUARAN KAWASAN TANAH DARIPADA HUTAN SIMPANAN KEKAL

EXCISION OF LAND FROM PERMANENT RESERVED FOREST

Menurut seksyen 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], seperti yang diterima pakai oleh Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 [*En. 5/1985*], Pihak Berkuasa Negeri Selangor mengisytiharkan bahawa kawasan tanah yang diperihalkan dalam Jadual, dan yang merupakan sebahagian daripada hutan simpanan kekal yang dikenali sebagai Hutan Simpan Bukit Cherakah dan diisytiharkan sedemikian melalui Pemberitahuan *Warta* No. 2578 tahun 1927, tidak lagi menjadi hutan simpanan kekal berkuat kuasa mulai dari tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 20-11-2000.



JADUAL

Daerah—Petaling. Mukim—Bukit Raja. No. Pelan—Pelan *Warta* No. 1443 (disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor). Kawasan dikeluarkan—Kawasan yang sempadannya bergaris tebal. Luas—Lebih kurang 406.22 hektar (*1,003.76 ekar*).

Bertarikh 14 April 2022
[PHNSel. 100-1/9/1 Jld. 2 (11); P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/5]

MOHD REIZAL BIN SUMAIRI
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

# PELAN MENUNJUKKAN PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN SIMPANAN HUTAN BUKIT CHERAKAH MUKIM BUKIT RAJA, DAERAH PETALING NEGERI SELANGOR

Skala 1 : 10000



DIPERAKUI DI BAWAH SEKSYEN 410(a) KANUN TANAH NEGARA (AKTA 56 ) 1965 BAHAWA SESUNGGUHNYA INI ADALAH PELAN YANG BETUL LAGI BENAR YANG MENUNJUKKAN PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN SIMPANAN HUTAN BUKIT CHERAKAH DI BAWAH SEKSYEN 11 AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 ( AKTA 313 ) DAN ENAKMEN PENGGUNAAN PAKAINYA DI NEGERI SELANGOR (ENAKMEN NO. 5 TAHUN 1985 )

( KAWASAN YANG SEMPADANNYA BERGARISAN TEBAL )

b. PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

PW 1443